


PULUT KUNING DAGING RENDANG

Harun Haji Salleh
Jaliha Jaman
Mahmud Eddie
Sitti Rahmah G. Ibrahim



PULUT KUNING
DAGING RENDANG

Pulut kuning daging



SAB00000352

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERPUSTAKAAN

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PULUT KUNING DAGING RENDANG

Harun Haji Salleh

Jaliha Jaman

Mahmud Eddie

Sitti Rahmah G. Ibrahim

HADIAH IKHLAS
Dewan Bahasa Dan Pustaka
Cawangan Sabah.

PERPUSTAKAAN DBP	
Cawangan, Sabah.	
No. Kelas: 899.23301 PUL	
No. Perolehan: 006127	
Tarikh: 7.1.89	T.T

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1988

KK 895 - 3891 5101
ISBN 983-62-0566-7

Antologi cerpen ini diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dengan kerjasama Bahagian Penerbitan Am Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Cetakan Pertama 1988
© Hakcipta Harun Haji Salleh
Jaliha Jaman
Mahmud Eddie
Sitti Rahmah G. Ibrahim 1988

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhuruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Muka Taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan

\$6.00

HADIAH IKHLAS
Dewan Bahasa Dan Pustaka
Cawangan Sabah

KANDUNGAN

HARUN HAJI SALLEH

Menunggu Durian Runtuh	3
Nelayan Tua	14
Nyaris Terungkai	22
Pemakaman Seorang Pengemis	34

JALIHA JAMAN

Apu Palawan	43
Hak	51
Madu	57
Syuhaida	62

MAHMUD EDDIE

Debur Ombak Tengah Malam	75
Itom Gumpiling	82
Lambaian Tanah Suci	90
Pulut Kuning Daging Rendang	96

SITTI RAHMAH G. IBRAHIM

Hati	103
Serba Salah	109
Takdir	114
Umi Kusayang	120
<i>Glosari</i>	125

HADIAH IKHLAS
Dewan Bahasa Dan Pustaka
Cawangan Sabah

HARUN HAJI SALLEH dilahirkan pada 15 April 1935 di Seri Menanti, Negeri Sembilan. Pernah melanjutkan pelajarannya di Sandakan, Sabah. Melalui pengalaman hidup dan hasil daripada pembacaan, telah banyak membantu beliau menjadi penulis yang kreatif. Haji Harun pernah menggunakan nama samaran Teruna Lara Sandakan dalam tahun 1950-an. Karya beliau berupa drama radio pernah tersiar di RTM Kota Kinabalu, Kuala Lumpur dan Kuching. Cerpennya pula banyak tersiar di *Utusan Malaysia*, majalah *Dakwah Sabah Times* dan *Daily Express*. Haji Harun sudah bersara daripada jawatan Penterjemah Kanan di Jabatan Penyiaran Sabah, Kota Kinabalu.

MENUNGGU DURIAN RUNTUH

DIALOG demi dialog telah diadakan. Majlis ramah mesra juga sudah dikelolakan. Tujuannya semata-mata untuk menjalinkan kembali kemesraan yang telah pudar. Memupuk semangat kejiranan yang sudah pupus.

Namun, segalanya tidak berhasil. Antara penduduk Kampung Putat Lama dengan penduduk Kampung Putat Baru yang jaraknya kira-kira se pelaung itu, masih juga bertelagah. Ada saja yang tak kena, menimbulkan kecoh yang tak pernah mencapai perpaduan.

Kalau hendak dibandingkan, rata-rata penduduk Kampung Putat Lamalah yang lebih peka dan agresif. Dalam apa jua hal, mereka tak mahu mengalah. Pantang terusik, mereka akan melenting macam singa jantan dicucuh ekor.

Kemesraan antara dua kelompok manusia itu, hanya pura-pura wujud sewaktu majlis dialog berlangsung di balai raya. Ketua anak negeri atau ketua daerah, sudah serik mempergerusikan dialog demi dialog untuk mendamaikan mereka. Tetapi setelah majlis dialog bersurai dan mereka kembali ke rumah masing-masing, ada saja perkara yang terungkit atau sengaja diungkit semasa dalam perjalanan. Akhirnya, esok atau lusa akan tercetus lagi cemuh-mencemuh, sindir-menindir dan umpat-mengumpat yang tiada hujungnya.

Persengketaan yang berlaku bukan kerana fahaman politik yang berbeza, tidak pula berpunca daripada perebutan harta pusaka. Tetapi segala-galanya akibat daripada persoalan-persoalan yang remeh-temeh. Tidak puas hati tentang perlantikan ketua kampung, pemilihan imam, pemilihan ahli

jawatankuasa kecil keselamatan kampung, hinggahal untuk menetapkan tapak surau biaya kerajaan dan tapak balai raya. Masing-masing menuntut dan mendesak supaya surau dan balai raya dibina di kawasan masing-masing.

Akhirnya, pembinaan surau terbantut, balai raya pula terpaksa dibina betul-betul di tepi anak sungai yang menjadi sempadan antara dua buah kampung tersebut. Sekaligus masing-masing ada ketua kampung sendiri, imam sendiri dan ahli jawatankuasa keselamatan kampung sendiri. Harapan ketua anak negeri dan ketua daerah yang mahukan kedua-dua buah kampung itu bercantum, berkecaci.

Sejak kebelakangan ini pertelingkahan semakin meruncing. Puncanya adalah daripada keputusan kerajaan yang menawarkan seluas tiga puluh hektar tanah untuk projek pertanian berkelompok. Lima belas hektar untuk Kampung Putat Lama dan lima belas hektar untuk Kampung Putat Baru.

Segelintir penduduk Kampung Putat Baru tidak berpuas hati kerana Bukit Putat jatuh ke dalam kawasan yang diperuntukkan kepada Kampung Putat Lama. Bukit berbatu pejal itu sudah lama menjadi rebutan kerana boleh dijadikan kuari, tiga puluh tahun pun belum tentu habis.

“Kita tak patut berdiam diri, Pak Man. Kita juga ada hak untuk menerima saham batu Bukit Putat itu. Mana patut Bukit Putat jatuh bulat-bulat kepada penduduk Kampung Putat Lama. Mereka senang-senang terima untung, kita gigit jari!” Tiba-tiba Semaun meluahkan geram dalam mesyuarat Jawatankuasa Kecil Keselamatan Kampung Putat Baru.

Ketua kampung, Deraman yang mempengaruhi mesyuarat tersengih dan menggeleng-geleng kepala. “Sabar Maun. Bukit Putat itu dah menjadi rezeki mereka. Apa pulak yang nak digaduhkan sangat.” Deraman cuba meyakinkan. Dia amat sedar bahawa isu Bukit Putat yang tak sepatutnya disentuh, sudah menjadi agenda mesyuarat.

“Kalau kita bersabar alamat putihlah mata kita, Pak Man. Kita mesti merayu kepada pihak atasan supaya mengubah sempadan tanah pinggir itu.”

“Nak ubah macam mana?” pintas Deraman, sambil merenung Jinti pengikut setia Semaun yang cuba menyokong.

“Itu perkara mudah, Pak Man. Kita mendesak supaya sempadan yang melintang di tengah-tengah kawasan tanah itu diubah jadi membujur. Dengan cara ini, Bukit Putat yang terletak di tengah-tengah kawasan itu akan terbahagi dua. Bahagian di sebelah darat untuk Kampung Putat Lama dan bahagian di sebelah baruh untuk kampung kita.”

“Astaghfirullah. Kamu orang muda berdua ini macam tak yakin, bahawa Tuhan itu sentiasa menyebelahi orang-orang yang sabar. Kamu juga macam tak yakin rezeki yang dijanjikan oleh Tuhan kepada setiap insan, asalkan berusaha.”

“Itu kata-kata Ustaz Dollah, Pak Man. Pak Man pinjam kata-kata itu daripada dia,” tingkah Semaun dengan suara beralun.

Wajah Deraman menjadi merah. Dia cuba mengawal degupan jantungnya yang tiba-tiba berdetak kencang. Perlian Semaun yang selamba itu terasa bagai tusukan belati yang meradak-radak perdu jantungnya. Terasa benar maruahnya sebagai Ketua Kampung Putat Baru tercabar di hadapan anak-anak buah. Kata-kata perl Semaun itu menyebabkan perhimpunan menyepi sejurus. Deraman beristighfar panjang dalam hati. Semoga syaitan tak merangsang luapan marahnya terhadap Semaun dan Jinti.

“Baiklah.” Tiba-tiba Deraman bersuara sambil mendongak setelah tunduk seketika. “Siapa setuju dengan cadangan Semaun dan Jinti tadi, angkat tangan!” sambungnya lagi sambil memerhati setiap wajah yang hadir.

Ternyata cadangan Semaun dan Jinti tidak mendapat sokongan. Cuma seorang dua yang teragak-agak mengangkat tangan tetapi cepat-cepat diturunkan balik.

“Terima kasih. Kalau begitu, esok pagi kita mula tebas tanah pinggir seluas lima belas hektar itu secara bergotong-royong. Kebetulan sekarang musim kemarau. Ini memudahkan kita membakar. Kita akan tanam seluruh kawasan itu dengan jagung dan kacang tanah. Setuju?”

Bergema jawapan setuju daripada anak-anak buah Deraman. Wajah Deraman kembali pulih dan tambah bersemangat.

“Mari kita sama-sama kikis sikap nak kaya cepat tanpa